KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan TV
TAJUK	Ahmad Zahid umum penubuhan Majlis Halal Malaysia-Indonesia
PAUTAN	https://tinyurl.com/y2f4wkej

Ahmad Zahid umum penubuhan Majlis Halal Malaysia-Indonesia

By Azrul Hakimie Anuer | 26/09/2026 | Share



Azrul Hakimie Anuer

Penulis merupakan **wartawan** di UtusanTV. Mempunyai pengalaman luas selama **18 tahun** dalam dunia kewartawanan sama ada media cetak mahu pun digital. Sebelum menyertai UtusanTV pada tahun **2022**, penulis pernah bertugas di beberapa syarikat media cetak/penyiaran/portal lain sejak tahun **2008**. Sepanjang kerjaya, penulis mempunyai kemahiran menulis dan membuat liputan tentang pelbagai isu terutama (**perkembangan semasa/politik/sukan**).

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan penubuhan Majlis Halal Malaysia-Indonesia sebagai satu lagi langkah memperkukuh diplomasi halal antara kedua-dua negara.

Kata beliau, fokus awal majlis berkenaan adalah memudah cara pensijilan, mengurangkan pertindihan proses dan melancarkan perdagangan halal dua hala.

Fiuu
15 Minutes To Accept Payments Anywh…
Everything Your Business Needs
Learn More

"Insya-Allah, kerjasama Malaysia-Indonesia ini akan menjadi permulaan kepada usaha membentuk ASEAN Halal Council sebagai kerangka kerjasama halal serantau yang lebih tersusun.

"Saya juga mahu peluang dalam ekonomi halal ini sampai kepada lebih ramai usahawan, termasuk perusahaan kecil, usahawan desa, wanita dan anak muda.

"Kita mahu lebih banyak jenama milik Malaysia berkembang daripada pasaran tempatan ke pentas dunia, dengan keyakinan terhadap halal diterjemahkan kepada peluang perniagaan, pelaburan dan pekerjaan," katanya di Facebook.

Pada masa sama, beliau menegaskan menegaskan bahawa masa depan industri halal bergantung kepada sejauh mana semua pihak mampu menghubungkan kekuatan antara negara, industri dan pasaran.

Dari Penulis

Berita 28/09/2026
Agong, Raja Permaisuri zahir takziah atas pemergian Tun Dr Hasmah

Berita 28/09/2026
Tun Dr Hasmah meninggal dunia di IJN pagi ini

Berita 28/09/2026



Berkaitan



Berita Afiq Mohd. Shah · 28/09/2026
Jenazah Tun Dr Hasmah akan dikebumi di Presint 20, Putrajaya



Berita
'Negara kehilangan sosok keibuan', Anwar dan Azizah dukacita pemergian Tun Dr Hasmah
Afiq Mohd. Shah · 28/09/2026



Berita
'Kalau saya tahu itu pertemuan terakhir, saya harap dua jam kekal selamanya', Saddiq luah rasa hiba pemergian Tun Dr Hasmah
Afiq Mohd. Shah · 28/09/2026



Berita
Istiadat Pengebumian Pembesar Negara buat Tun Dr Hasmah
Afiq Mohd. Shah · 28/09/2026



Berita
Wanita maut Axia bertembung lori muatan sabut kelapa
UtusanTV · 28/09/2026



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Oh My Media
TAJUK	"Jangan mudah label derhaka & biadab" – Zahid Hamidi minta faham Perlembagaan dahulu
PAUTAN	https://tinyurl.com/59zcmjcn



TRENDING

"Jangan Mudah Label Derhaka & Biadab" – Zahid Hamidi Minta Faham Perlembagaan Dahulu

Ahmad Zahid Hamidi menegur pihak tertentu supaya tidak mudah melabel 'derhaka' dan 'biadab' tanpa memahami kedudukan institusi serta Perlembagaan.

Oleh Megat Azri
Pada 26/09/2026

THREADS FACEBOOK TWITTER WHATSAPP

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegur pihak tertentu supaya tidak mudah melabel sesuatu tindakan sebagai 'derhaka' atau 'biadab' sebelum memahami kedudukan institusi, Perlembagaan serta Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.

Menurut laporan Harian Metro, Zahid berkata sebarang pertikaian yang melibatkan institusi Kesultanan dan pentadbiran negeri perlu dinilai berdasarkan kedudukan serta tanggungjawab setiap institusi terlebih dahulu, termasuk hak warganegara yang dijamin Perlembagaan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my


LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Komuniti luar bandar terus diperkasa menerusi GEMA @ KKDW
PAUTAN	https://tinyurl.com/4cnfjv4t




Datuk Hasbi Habibollah pada GEMA@KKDW Peringkat Parlimen Limbang. Foto TVS

Berita Berkaitan


Berita Sarawak
Keterhubungan, infrastruktur luar bandar Limbang terus diperkasa
By TVS September 26, 2026 6:06 PM


Berita Sarawak
KKDW komited pastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar
By TVS September 14, 2026 2:55 PM


Berita Sarawak
KMKK diminta pantau lampu solar LED
By TVS September 14, 2026 2:09 PM


Berita Sarawak
Lampu solar LED cerahkan kampung di Asajaya
By TVS September 14, 2026 1:45 PM


Malaysia
Peruntukan projek jalan luar bandar KKDW disalur sepenuhnya – KSU Perbendaharaan
By Bernama September 2, 2026 4:48 PM

Komuniti luar bandar terus diperkasa menerusi GEMA@KKDW

By TVS #bm, Berita Sarawak **September 26, 2026 4:59 PM**

LIMBANG, 26 Sept: Komuniti luar bandar akan terus dibangunkan secara lebih tersusun, inklusif dan berimpak tinggi menerusi Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW).

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah, berkata program berkenaan ialah gerakan payung Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang dikendalikan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi memperkukuh pelaksanaan inisiatif kerajaan di peringkat komuniti.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu memerlukan penglibatan menyeluruh semua agensi di bawah KKDW serta masyarakat setempat.

"Program ini menuntut penglibatan menyeluruh, kesedaran kolektif dan tindakan bersepadu daripada seluruh lapisan masyarakat desa.

"Kita mahu melahirkan modal insan luar bandar yang bukan sahaja berdaya saing, malah mempunyai daya tahan tinggi dalam mendepani cabaran sosioekonomi semasa, terutama dalam era pascapandemik dan transformasi digital," katanya.

Ahli Parlimen Limbang itu berkata demikian ketika merasmikan Program GEMA@KKDW 2026 Peringkat Parlimen Limbang di Dewan Kampung Bunga Raya, di sini, hari ini.

Hasbi berkata, KEMAS terus berperanan sebagai ejen perubahan dan jambatan penghubung antara kerajaan dengan rakyat, khususnya dalam memperkasa komuniti luar bandar.

Katanya, KEMAS turut membuktikan keupayaannya dalam memangkin pembangunan komuniti menerusi pendidikan awal kanak-kanak, kelas kemahiran dan program pembangunan desa.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan TV
TAJUK	Dr Mahzan Teh dilantik sebagai Ketua Pengarah MARA yang baharu
PAUTAN	https://tinyurl.com/s22w4pcz

Dr Mahzan Teh dilantik sebagai Ketua Pengarah MARA yang baharu

By Azrul Hakimie Anuer | 25/09/2026 | Share



Fiuu
15 Minutes To Accept Payments Anywhere
Everything Your Business Needs
Fiuu
15 MINUTES TO ACCEPT PAYMENTS ANYWHERE
Learn More

Berkaitan



Berita Afiq Mohd. Shah - 28/09/2026
Jenazah Tun Dr Hasmah akan dikebumi di Presint 20, Putrajaya



Berita
'Negara kehilangan sosok keibuan', Anwar dan Azizah dukacita pemergian Tun Dr Hasmah
Afiq Mohd. Shah - 28/09/2026



Berita
'Kalau saya tahu itu pertemuan terakhir, saya harap dua jam kekal selamanya', Saddiq luah rasa hiba pemergian Tun Dr Hasmah
Afiq Mohd. Shah - 28/09/2026



Berita
Istiadat Pengebumian Pembesar Negara buat Tun Dr Hasmah
Afiq Mohd. Shah - 28/09/2026



Berita
Wanita maut Axia bertembung lori muatan sabut kelapa
UtusanTV - 28/09/2026

Azrul Hakimie Anuer

Penulis merupakan **wartawan** di UtusanTV. Mempunyai pengalaman luas selama **18 tahun** dalam dunia kewartawanan sama ada media cetak mahu pun digital. Sebelum menyertai UtusanTV pada tahun

IR Dr Mahzan Teh telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang baharu.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, pelantikan itu telah dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Keterhubungan, infrastruktur luar bandar Limbang terus diperkasa
PAUTAN	https://tinyurl.com/47kp93ms



Datuk Hasbi Habibollah pada Program Gerakan Massa Masyarakat Desa Peringkat Parlimen Limbang. Foto TVS

Keterhubungan, infrastruktur luar bandar Limbang terus diperkasa

By TVS **#bm, Berita Sarawak September 26, 2026 6:06 PM**

LIMBANG, 26 Sept: Aspek keterhubungan dan infrastruktur di kawasan luar bandar, khususnya Limbang, terus diberi keutamaan bagi merapatkan jurang antara kawasan pedalaman dengan pusat pertumbuhan.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah, berkata perhubungan jalan raya penting bagi memudahkan pergerakan penduduk, barangan dan perkhidmatan, selain menghubungkan kampung dengan kawasan bandar.

Katanya, penambahbaikan infrastruktur jalan raya memberi manfaat kepada penduduk di kawasan pedalaman dan pesisir, termasuk membuka akses lebih baik kepada pelbagai peluang ekonomi.

"Sebagai Ahli Parlimen Limbang dan atas amanah yang diberikan dalam portfolio Kementerian Pengangkutan Malaysia, keutamaan saya sentiasa jelas, iaitu memastikan aspek keterhubungan dan infrastruktur di kawasan luar bandar, khususnya di Limbang, sentiasa ditambah baik.

"Pembangunan fizikal seperti jalan raya, jaringan pengangkutan dan kemudahan asas mestilah berjalan seiring dengan pembangunan minda serta ekonomi modal insan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA@KKDW) 2026 Peringkat Parlimen Limbang di Dewan Kampung Bunga Raya, di sini, hari ini.

Hasbi berkata, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak sentiasa komited merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Projek jambatan Selampit mencatatkan kemajuan fizikal 41. 09 peratus
PAUTAN	https://tinyurl.com/yc44turj

Projek Jambatan Selampit mencatatkan kemajuan fizikal 41.09 peratus

September 25, 2026, Jumaat - 10:14am



Billy (depan, tiga kanan) bersama wakil agensi terlibat semasa mengadakan lawatan tapak projek Jambatan Selampit di Lundu pada Khamis. - Gambar UKAS

LUNDU: Projek Jambatan Selampit kini merekodkan kemajuan fizikal 41.09 peratus berbanding 79.05 peratus mengikut jadual, dengan kelewatan kira-kira 94 hari.

Perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Khas dan Lawatan Tapak Projek Jambatan Selampit yang dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Opar, Billy Sujang, Khamis.

Menurut Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) mesyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan pelaksanaan projek termasuk menangani isu kewangan, bekalan bahan binaan, pengurusan tapak dan jadual kerja.

"Berdasarkan taklimat, kemajuan kewangan sebenar projek pula berada pada 46.48 peratus berbanding sasaran 80.64 peratus," kata Billy.

Antara perkara yang diberi perhatian ialah penyaluran peruntukan secara berperingkat daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), yang memberi kesan terhadap proses pembayaran serta aliran tunai kontraktor.

Bayaran bagi Interim Payment Certificate (IPC) No. 18 berjumlah RM757,344.81 kini dalam proses pembayaran.

Pada masa sama, beberapa kekangan berkaitan pembelian dan penghantaran bahan binaan termasuk permanent casing, spun pile, bahan bagi kerja girder, PC strand dan ducting turut dikenal pasti bagi memastikan kesinambungan kerja di tapak.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Dayak Daily
TAJUK	Selampit Bridge project faces 94 - day setback amid funding, supply constraints
PAUTAN	https://tinyurl.com/34a7dcvv

Selampit Bridge project faces 94-day setback amid funding, supply constraints

Sep 25, 2026 @ 10:16



Billy (in yellow shirt) and others during a visit to inspect progress of the Selampit Bridge project in Lundu on Sept 24, 2026. Photo: Ukas

LUNDU, Sept 25: The Selampit Bridge Project has been delayed by approximately 94 days, with physical progress reaching only 41.09 per cent against a scheduled target of 79.05 per cent, prompting intensified efforts to address project constraints and keep construction on track ahead of its revised completion date of Jan 3, 2027.

According to Sarawak Public Communication Unit (Ukas) news, the matter was highlighted during a special meeting and site visit to the project on Thursday (Sept 24), attended by Opar assemblyman Billy Sujang, to assess the current status of the project and review measures under its recovery plan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Expo PERDA 2026 bantu belia dan usahawan mikro melalui program TVETdan keusahawanan
PAUTAN	https://tinyurl.com/2f88993x

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV3
TAJUK	Industri Halal: Malaysia sasar sumbang 11% KDNK menjelang 2030
PAUTAN	https://tinyurl.com/mwtxyym5

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Malaysia-Indonesia Halal Council to be established
PAUTAN	https://tinyurl.com/3fezasmz

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	GHAS, MIHAS expand Halal market access
PAUTAN	https://tinyurl.com/msrvrvv9

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Malaysia dan Indonesia memperkukuh kerjasama perdagangan Halal menerusi penubuhan Majlis Halal Malaysia-Indonesia
PAUTAN	https://tinyurl.com/56evr9dm

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	KLASIK fm
TAJUK	Malaysia, Indonesia perkasa pasaran halal dua negara
PAUTAN	https://tinyurl.com/2dvp2jj7

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	NASIONAL fm
TAJUK	MIHAS 2026 mencatatkan jualan RM5.2 bilion dalam tempoh dua hari
PAUTAN	https://tinyurl.com/ypxbe4uy

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	Malaysia-Indonesia form Halal Council
PAUTAN	https://tinyurl.com/39mwestc

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	BERNAMA Radio
TAJUK	Malaysia, Indonesia perkasa pasaran halal dua negara
PAUTAN	https://tinyurl.com/mr2ms85d

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Malaysia, Indonesia kukuh kerjasama iktiraf sijil halal
PAUTAN	https://tinyurl.com/2e836w8e

Malaysia, Indonesia kukuh kerjasama iktiraf sijil halal

Usaha buka laluan lebih lancar perdagangan dua negara

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia dan Indonesia memperkukuh kerjasama pengiktirafan sijil halal bagi membuka laluan lebih lancar kepada produk halal kedua-dua negara menembusi pasaran masing-masing, sekali gus memperkemas pelaksanaan perdagangan halal dua hala.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerjasama itu kini memasuki fasa pelaksanaan apabila produk halal Malaysia sudah dieksport ke Indonesia untuk menjalani ujian, manakala logo halal Indonesia turut diterima Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi produk yang dipasarkan di Malaysia.

Katanya, mekanisme berkenaan perlu dilaksanakan sepenuhnya dengan segera, terutama bagi produk halal yang diimport dan dieksport antara Malaysia dan Indonesia.

"Sekarang, pelaksanaan mesti dilakukan dan saya harap perdagangan dua halal antara Malaysia dan Indonesia mesti dilaksanakan sepenuhnya, terutama produk halal yang kita import dan yang akan kita eksport ke Indonesia," katanya kepada media selepas merasmikan Sidang Kemuncak Halal Global (GHaS) 2026 bersempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

Ahmad Zahid berkata, kerjasama itu turut menyaksikan logo halal Indonesia diterima JAKIM bagi produk dari negara berkenaan untuk dipasarkan di Malaysia, menunjukkan kerjasama antara kedua-dua sistem halal sudah diterjemahkan dalam pelaksanaan perdagangan.

"Begitu juga logo mereka adalah juga diterima oleh JAKIM untuk produk mereka dipasarkan di Malaysia. Ertinya kerjasama dua halal ini telah diterjemahkan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sudah memberikan keabsahan terhadap perjanjian berkenaan, manakala Presiden Indonesia, Prabowo Subianto, turut memberikan keabsahan ketika pertemuan bersamanya di Indonesia minggu lalu.

Katanya, keberadaan beliau di Indonesia minggu lalu turut bertujuan merancang pelaksanaan kerjasama berkenaan supaya produk halal dapat dipasarkan di Indonesia dengan lebih tersusun.

Jelasnya, walaupun mekanisme itu sudah berlaku ketika ini, pelaksanaannya masih belum begitu terancang dan perlu diperkemaskan bagi memastikan produk halal dapat dipasarkan di Indonesia.

"Bila mekanisme itu akan digunakan? Sesegera yang mungkin," katanya.

Jana RM4.9 bilion

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata GHaS dan MIHAS 2026 menjana kira-kira AS$1.2 bilion (RM4.9 bilion) merangkumi jualan sebenar serta potensi jualan.

Beliau berkata, pencapaian itu memperlihatkan peluang yang tersedia menerusi platform halal, selain pentingnya usaha menghubungkan kekuatan negara bagi membuka pasaran, memudah cara pelaburan dan mewujudkan peluang bersama.

Menurutnya, Malaysia membawa pengalaman dalam standard, tadbir urus, kewangan Islam dan kemudahan perdagangan, manakala Indonesia mempunyai skala, kapasiti pengeluaran dan keusahawanan yang boleh memperkukuh ekosistem halal serantau.

Katanya, usaha menghubungkan kekuatan itu menjadi antara tujuan diplomasi halal supaya kepercayaan yang dibina dapat digunakan untuk membuka pasaran dan mewujudkan peluang kepada perniagaan serta masyarakat.

Dalam usaha memperkukuh kerjasama serantau, Ahmad Zahid berkata, beliau mencadangkan penubuhan dan pelancaran Majlis Halal ASEAN di Malaysia pada September 2027, manakala cadangan Majlis Halal Malaysia-Indonesia menjadi titik permulaan kepada aspirasi lebih luas berkenaan kerjasama halal ASEAN.

Beliau berkata, pasaran halal dunia dijangka mencecah AS$3.3 trilion (RM13.5 trillion) pada 2030, justeru penyelarasan antara agensi dan kerajaan negeri yang mempunyai Taman Perindustrian Halal perlu diperkukuh bagi memastikan produk halal Malaysia dapat dipasarkan ke seluruh dunia.

Ahmad Zahid berkata, penyelarasan itu perlu membabitkan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), JAKIM dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), selain kerajaan negeri yang mempunyai Taman Perindustrian Halal bagi menghubungkan produk perusahaan halal dengan peluang pasaran lebih luas.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Malaysia, Indonesia perkasa pasaran halal dua negara
PAUTAN	https://tinyurl.com/32ahcax9

KUKUH PENGIKTIRAFAN SIJIL HALAL

Malaysia, Indonesia perkasa pasaran halal dua negara

Kuala Lumpur: Malaysia dan Indonesia memperkukuh kerjasama pengiktirafan sijil halal bagi membuka laluan lebih lancar kepada produk halal kedua-dua negara menembusi pasaran masing-masing, sekali gus memperkemas pelaksanaan perdagangan halal dua hala.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerjasama itu kini memasuki fasa pelaksanaan apabila produk halal Malaysia sudah dieksport ke Indonesia untuk menjalani ujian, manakala logo halal Indonesia turut diterima Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi produk yang dipasarkan di Malaysia.

Katanya, mekanisme berkenaan perlu dilaksanakan sepenuhnya dengan segera, terutama bagi produk halal yang diimport dan dieksport antara Malaysia dan Indonesia.

"Sekarang, pelaksanaan mesti dilakukan dan saya harap perdagangan dua hala antara Malaysia dan Indonesia mesti dilaksanakan sepenuhnya, terutama produk-produk halal yang kita import dan yang akan kita eksport ke Indonesia," katanya kepada media selepas merasmikan Sidang Kemuncak Halal Global (GHaS) 2026 bersempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2026 di sini, semalam.

> "Perdagangan dua hala antara Malaysia dan Indonesia mesti dilaksanakan sepenuhnya"
> Zahid

Ahmad Zahid berkata, kerjasama itu turut menyaksikan logo halal Indonesia kini diterima JAKIM bagi produk dari negara berkenaan untuk dipasarkan di Malaysia.

"Kerjasama dua halal ini telah diterjemahkan khususnya melalui penerimaan logo halal dari Indonesia yang kini sudah diterima JAKIM," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sudah memberikan keabsahan terhadap perjanjian berkenaan, manakala Presiden Indonesia, Prabowo Subianto, turut memberikan keabsahan ketika pertemuan bersamanya di Indonesia minggu lalu.

Katanya, keberadaan beliau di Indonesia minggu lalu turut bertujuan merancang pelaksanaan kerjasama berkenaan supaya produk halal dapat dipasarkan di Indonesia dengan lebih tersusun.

Jelasnya, walaupun mekanisme itu sudah berlaku ketika ini, pelaksanaannya masih belum begitu terancang dan perlu diperkemaskan bagi memastikan produk halal dapat dipasarkan di Indonesia.

"Bila mekanisme itu akan digunakan? Sesegera yang mungkin," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, GHaS dan MIHAS 2026 menjana kira-kira AS$1.2 bilion (RM4.9 bilion) merangkumi jualan sebenar serta potensi jualan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	NST
TAJUK	Malaysia-Indonesia form Halal Council
PAUTAN	https://tinyurl.com/ydkf4d7r



Deputy Prime Minister Datuk Seri Zahid Hamidi (fourth from right), together with Investment, Trade and Industry Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani (fourth from left), Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Dr Zulkifli Hasan (third from right) and Malaysia External Trade Development Corp chairman Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (second from right) during the launch of Global Halal Summit opening ceremony at Malaysia International Trade and Exhibition Centre in Kuala Lumpur yesterday. NSTP PIC BY AZIAH AZMEE

RM80 BILLION EXPORT POTENTIAL

MALAYSIA-INDONESIA FORM HALAL COUNCIL

It will be chaired by Indonesia's halal body, with Malaysia serving as sec-gen, says Zahid

KUALA LUMPUR

MALAYSIA and Indonesia are deepening their halal ties with the establishment of a joint council aimed at making certification and cross-border trade more seamless.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said the Malaysia-Indonesia Halal Council would be chaired by Indonesia's Halal Product Assurance Organising Agency, with Malaysia serving as secretary-general.

Its inaugural meeting is scheduled next month, with halal certification and efforts to streamline bilateral trade among the key agenda items.

"Next month, the focus will be on facilitating halal certification between Malaysia and Indonesia to streamline bilateral halal trade between the two countries," he said in his speech at the Global Halal Summit 2026 here yesterday.

Malaysia and Indonesia signed a memorandum of cooperation in 2023, while bilateral negotiations to facilitate halal certification and trade were concluded in June.

Zahid said closer cooperation would help reduce duplication, ease market access and connect companies to regional supply chains.

Malaysia brings expertise in standards, governance, Islamic finance and trade facilitation, while Indonesia has strengths in scale, production capacity and entrepreneurship.

"The goal of halal diplomacy is for both sides to leverage the trust that has been built to open markets, facilitate investment and create opportunities together," he said.

He added that the cooperation should translate into fewer barriers and more companies engaging in cross-border trade, particularly small-scale producers seeking overseas buyers.

"The future of halal depends on how well we can connect with one another and build that trust going forward," Zahid said, adding that Malaysia aimed to increase halal exports to about RM80 billion by 2030.

He said the halal industry contributed about 11 per cent to Malaysia's gross domestic product, but only 14.7 per cent of halal-certified companies were exporters.

"Certification is only the beginning of that journey.

"Companies also need consistent production, suitable packaging, working capital, reliable logistics and an understanding of their target markets," he said.

Meanwhile, the Malaysia International Halal Showcase (Mihas) 2026 recorded potential sales worth US$1.2 billion during its first two days.

Organised by the Investment, Trade and Industry Ministry and managed by the Malaysia External Trade Development Corporation, Mihas 2026 is being held from Sept 23 to 26.

Zahid said he hoped sales and potential sales would continue to grow until the showcase ends, describing Mihas as a global halal exhibition brand. **Bernama**

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Perkukuh diplomasi industri halal Malaysia – Indonesia
PAUTAN	https://tinyurl.com/49f89v94

Perkukuh diplomasi industri halal Malaysia - Indonesia

KUALA LUMPUR - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan penubuhan Majlis Halal Malaysia - Indonesia dalam usaha memperkukuhkan diplomasi industri halal kedua-dua negara.

Beliau berkata, majlis berkenaan dipengerusikan Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) Indonesia manakala Malaysia bertindak sebagai setiausaha agung.

Tambahnya, mesyuarat pertama majlis itu akan diadakan pada Oktober depan.

"Penubuhan majlis itu menawarkan titik permulaan bagi aspirasi lebih luas melalui kerjasama dua hala.

"Ia membolehkan kita mengenal pasti langkah-langkah praktikal memudahkan pengiktirafan, mengurangkan pertindihan dan menghubungkan perniagaan kita dengan rantaian bekalan serantau," katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Halal Global (GHaS) 2026 dan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) ke-22 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, persefahaman turut termeterai dengan memudah cara pensijilan dan perdagangan halal antara kedua-dua negara.

Tambah beliau, Malaysia mempunyai pengalaman dalam bidang piawaian, tadbir urus, kewangan Islam dan pemudahcaraan perdagangan manakala Indonesia mempunyai kelebihan dari segi skala, kapasiti pengeluaran dan semangat keusahawanan.

"Inilah tujuan diplomasi halal iaitu memanfaatkan kepercayaan yang telah kita bina untuk membuka pasaran, memudahkan pelaburan dan mewujudkan peluang secara bersama.



Ahmad Zahid (tiga dari kanan) ketika pelancaran GHaS sempena MIHAS ke-22 di MITEC, Kuala Lumpur pada Jumaat.

"Akhirnya, manfaatnya harus dirasai oleh perniagaan yang ingin berkembang serta rakyat yang mendambakan kehidupan lebih baik," katanya.

Beliau berkata, kerjasama itu perlu diterjemahkan kepada pengurangan halangan, akses pasaran yang lebih mudah dan peningkatan syarikat menjalankan perdagangan merentas sempadan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	The Star
TAJUK	Halal Council to be set up soon
PAUTAN	https://tinyurl.com/eru3vp5u

Halal Council to be set up soon

Malaysia-Indonesia body to ease certification to fast-track regional market entry

KUALA LUMPUR: A Malaysia-Indonesia Halal Council will be set up to strengthen halal diplomacy between the two countries, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi announced.

The Deputy Prime Minister said the council would be chaired by Indonesia's Halal Product Assurance Organising Agency (BPJPH), with Malaysia serving as its secretary-general.

The council's maiden meeting will be held in October, he added.

"Next month, the focus will be on facilitating halal certification between Malaysia and Indonesia. This is to ease bilateral halal trade between the two countries," he said at the Global Halal Summit 2026.

Ahmad Zahid said the council would build on existing bilateral cooperation between Malaysia and Indonesia to address differing halal requirements, repeated procedures and difficulties faced by businesses seeking to enter neighbouring markets.

Malaysia and Indonesia signed a memorandum of cooperation in 2023, while bilateral negotiations on facilitating halal certification and trade between the two countries were concluded in June this year, he said.

The Deputy Prime Minister said closer bilateral cooperation could identify practical ways to facilitate trade, reduce duplication and connect businesses to regional supply chains.

He said Malaysia brings experience in standards, governance, Islamic finance and trade facilitation, while Indonesia offers scale, production capacity and entrepreneurship, which are at the core of halal diplomacy, where both parties can leverage the trust built to open markets, facilitate investment and create opportunities together.



International interest: Ahmad Zahid (right) visiting the Saudi Arabia booth during Mihas 2026 at the Malaysia International Trade and Exhibition Centre in Kuala Lumpur. — Bernama

Ahmad Zahid said that such cooperation should ultimately translate into fewer barriers, easier market access and more companies trading across borders.

He said small manufacturers should have a clearer route to overseas buyers, while halal-certified companies should receive the support needed to fulfil their first export orders.

"The future of halal will depend on how effectively we connect ourselves and build that trust in the future," he said.

Malaysia aims to increase its halal exports to about RM80bil by 2030, he added, Bernama reported.

Ahmad Zahid noted that the halal industry contributed about 11% to Malaysia's gross domestic product, yet only about 14.7% of halal-certified companies were exporters.

"To realise our ambition, we must help more of these companies compete abroad.

"Certification is only the beginning of that journey. Companies also need consistent production, suitable packaging, working capital, reliable logistics and an understanding of their target markets," he added.

Meanwhile, Ahmad Zahid said the International Halal Showcase (Mihas) 2026 has attracted US$1.2bil in sales over the first two days.

The event is hosted by the Ministry of International Trade and Industry and organised by the Malaysia External Trade Development Corporation.

He commended the annual organisation of Mihas, saying that it has established the event as a global halal exhibition brand, despite several countries also organising similar exhibitions.

This year's edition, which features 2,000 booths, 1,700 exhibitors and 450 buyers representing 58 countries, had drawn 30,000 visitors, demonstrating sustained local and international interest and putting it on track to be the most attended edition of Mihas to date.

"Further cementing its role as a platform for tangible international partnerships, Mihas 2026 witnessed the exchange of key strategic agreements, including a milestone Letter of Intent between the Matrade and the Department of Islamic Development (Jakim)," Matrade said in a statement.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	China Press
TAJUK	Penubuhan Majlis Halal Malaysia-Indonesia
PAUTAN	https://tinyurl.com/4jtfwzwr

馬印清眞理事會成立

（吉隆坡25日讯）副首相拿督斯里阿末扎希今日宣布，成立马来西亚—印尼清真理事会，以加强两国清真外交，并定于今年10月召开首次会议。

他说，该理事会将由印尼清真产品保障机构（BPJPH）担任主席，大马则出任理事会总秘书。

"清真外交的目标，是让双方善用已经建立的互信，以开拓市场、促进投资，并创造共同机遇。"

他今日在2026年全球清真峰会上致辞时说，马印两国已在2023年签署合作备忘录，就简化两国清真认证展开双边谈判，并于今年6月完成。

阿末扎希说，大马放眼2030年前，将清真产品出口额提高至约800亿令吉。

他也说，清真领域约占大马国内生产总值（GDP）的11%，不过，在拥有清真认证的企业中，仅约14.7%从事出口业务。

"为了实现我们的目标，我们必须协助更多（清真）企业在海外市场竞争，取得认证只是这段历程的起点。"

出席者包括投资、贸易及工业部长拿督斯里佐哈里阿都干尼、副部长沈志勤，以及大马对外贸易发展局（MATRADE）主席拿督斯里礼查马力肯。



■佐哈里阿都干尼（前排右）与阿末扎希（前排左2）一同在展示板上签名，由礼查马力肯（右2）见证。前排左为沈志勤。

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Guang Ming Daily
TAJUK	Majlis Halal Malaysia-Indonesia ditubuhkan
PAUTAN	https://tinyurl.com/3h4mza6z

扎希：加强外交合作
大馬印尼清眞理會成立

（吉隆坡25日讯）副首相拿督斯里阿末扎希今日宣布大马—印尼清真理事会成立，以进一步加强清真外交合作。

他说，该理事会将由印尼清真产品保障机构（BPJPH）担任主席，而大马则出任理事会总秘书，首次会议定于今年10月举行。

他今日在2026年全球清真峰会上致词时说：“下个月的重点是促进马印之间的清真认证便利化，以推动两国双边清真贸易更加顺畅。”

他说，马印已于2023年签署合作备忘录，而双方就简化两国清真认证与贸易程序展开的双边谈判，也已于今年6月完成。

他说，更紧密合作将有助于确定促进贸易的实际方法、减少重叠，并协助企业与区域供应链接轨。

阿末扎希指出，大马在标准制定、治理、伊斯兰金融和贸易便利化方面拥有丰富经验，而印尼则在市场规模、生产能力和创业方面具备优势。

“清真外交的目标，是让双方善用已经建立的互信，以开拓市场、促进投资，并创造共同机遇。”

阿末扎希说，这项合作最终必须转化为减少贸易壁垒、更便利的市场准入，以及让更多企业进行跨境贸易。

他说，小型生产商必须拥有更明确的渠道，以接触海外买家；至于已经取得清真认证的企业，则应获得所需支持，以协助它们完成首批出口订单。

“清真领域的未来，取决于我们能够在多大程度上互联互通，并在未来继续建立这种互信。”（TTK）

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sin Chew Daily
TAJUK	Malaysia dan Indonesia bakal tubuh Majlis Halal
PAUTAN	https://tinyurl.com/3dj5d7y8



阿末扎希（左）为大马国际清真产品展开幕后签名，右起为佐哈利和利查马力肯。（马新社图）

馬印將設清真理事會

扎希：料10月開首次會議

（吉隆坡25日讯）副首相拿督斯里阿末扎希宣布，马来西亚与印尼将成立马印清真理事会，以加强两国清真外交，并促进清真认证与双边贸易。

他说，理事会将由印尼清真产品保障机构主持，马来西亚担任秘书长，首次会议预计于10月举行，重点是便利两国清真认证，减少企业面对的重复程序和贸易障碍。

放眼2030年 清真出口额800亿

阿末扎希今日在全球清真峰会2026致词时表示，清真产业约占马来西亚国内生产总值的11%，但获清真认证的企业中，仅约14.7%从事出口。

“马来西亚放眼在2030年，把清真出口额提高至约800亿令吉。”

他指出，清真认证只是企业进军海外市场的起点，企业也须具备稳定的生产能力、合适的包装、营运资金、可靠物流，以及对目标市场的了解。他透露，今年的马来西亚国际清真产品展在首两天的销售额已达12亿美元。

其他与会者包括投资、贸易及工业部长拿督斯里佐哈利和对外贸易发展局主席拿督斯里利查马力肯。

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	WSC Shanghai 2026: Muhammad Haziq bawa misi martabat TVET pada peringkat antarabangsa
PAUTAN	https://tinyurl.com/2uxwptft

WSC Shanghai 2026: Muhammad Haziq bawa misi martabat TVET pada peringkat antarabangsa

SHANGHAI: Wakil Malaysia dalam bidang Pemasangan Elektrik, Muhammad Haziq Lailla Zamri, bertekad membuktikan keupayaan penuntut bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mampu bersaing di pentas dunia menerusi WorldSkills Competition (WSC) Shanghai 2026.

Pelajar berusia 22 tahun dari TVETMARA Johor Bahru itu berkata keputusan memilih laluan TVET berbanding aliran akademik lain selepas menamatkan persekolahan di Sekolah Menengah Sains Batu Pahat, tidak pernah menghalang usahanya mengukir kejayaan pada peringkat antarabangsa.

Penuntut jurusan Diploma Lanjutan Kompetensi Elektrik (Penjanaan) itu berkata penglibatannya dalam pertandingan berprestij berkenaan menjadi medan terbaik untuk menonjolkan potensi tinggi bidang kemahiran negara.

"Saya berasa amat bangga dan bersyukur kerana berpeluang membawa nama Malaysia ke persada dunia. Melalui bidang kemahiran dan TVET yang saya ceburi, inilah cara saya membuktikan keupayaan negara pada peringkat antarabangsa," katanya kepada Bernama.

Muhammad Haziq yang menjadikan pakar dan jurulatihnya sebagai sumber inspirasi, menyifatkan saingan selama empat hari hingga 26 Sept ini sebagai medan ujian sebenar memandangkan tugasan pertandingan tidak dapat dijangka.

Pengalaman beraksi dalam lima pertandingan antarabangsa sebelum ini, termasuk meraih pingat perak pada WorldSkills Asia Taipei serta memperoleh gangsa dalam pertandingan WorldSkills ASEAN Manila pada 2025 menjadi bekalan berharga untuk membantu mengekalkan fokus fizikal dan mental.

Muhammad Haziq berkata minatnya terhadap bidang elektrik bermula seawal tingkatan tiga menerusi program pendawaian asas, dan kini bertekad menterjemahkan latihan intensif yang dilaluinya kepada prestasi terbaik di Shanghai.

"Sasaran peribadi saya adalah untuk meraih pingat, tidak kira apa jua warnanya. Memang benar semua orang mengimpikan pingat emas, namun saya perlu kekal berpijak di bumi nyata.

"Apa-apa pingat sekalipun, insya-Allah saya akan lakukan yang terbaik," katanya.

Beliau adalah antara 22 peserta muda negara yang berentap dalam 21 bidang kemahiran bertaraf antarabangsa di WSC Shanghai 2026, yang menghimpunkan 1,400 profesional muda berkemahiran terbaik daripada lebih 65 negara dan wilayah. — Bernama



WAKIL NEGARA: Muhammad Haziq ketika ditemui Bernama di WorldSkills Competition (WSC) Shanghai 2026 baru baru ini.

— Gambar Bernama

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Projek Jambatan Selampit catatkan kemajuan fizikal 41.09 peratus: Billy
PAUTAN	https://tinyurl.com/2feaptxx

Projek Jambatan Selampit catatkan kemajuan fizikal 41.09 peratus: Billy

LUNDU: Projek Jambatan Selampit kini merekodkan kemajuan fizikal 41.09 peratus berbanding 79.05 peratus mengikut jadual, dengan kelewatan kira-kira 94 hari.

Perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Khas dan Lawatan Tapak Projek Jambatan Selampit yang dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Opar Billy Sujang, kelmarin.

Memetik Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), mesyuarat berkenaan memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan pelaksanaan projek termasuk menangani isu kewangan, bekalan bahan binaan, pengurusan tapak dan jadual kerja.

"Berdasarkan taklimat, kemajuan kewangan sebenar projek pula berada pada 46.48 peratus berbanding sasaran 80.64 peratus," kata Billy.

Antara perkara yang diberi perhatian ialah penyaluran peruntukan secara berperingkat daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang memberi kesan terhadap proses pembayaran serta aliran tunai kontraktor.

Bayaran bagi Interim Payment Certificate (IPC) No. 18 berjumlah RM757,344.81 kini dalam proses pembayaran, jelasnya.



TINJAU: Billy (depan, tiga kanan) bersama wakil agensi terlibat semasa mengadakan lawatan tapak projek Jambatan Selampit di Lundu kelmarin. — Gambar UKAS

Pada masa sama katanya, beberapa kekangan berkaitan pembelian dan penghantaran bahan binaan termasuk 'permanent casing', 'spun pile', bahan bagi kerja 'girder', 'PC strand' dan 'ducting' turut dikenal pasti bagi memastikan kesinambungan kerja di tapak.

Aspek mobilisasi sumber, penglibatan subkontraktor, pembayaran kepada pembekal, produktiviti tenaga kerja serta pengurusan dan penyeliaan di tapak turut diteliti bagi memperkukuh pelaksanaan pelan pemulihan, katanya.

Selain itu, Billy berkata kenaikan harga diesel serta cabaran pengangkutan dan logistik penghantaran bahan turut diambil kira dalam usaha meningkatkan kemajuan projek.

Projek berkenaan sebelum ini menerima kelulusan lanjutan masa dengan tarikh siap baharu ditetapkan pada 3 Januari 2027.

Sehubungan itu, mesyuarat khas dan lawatan tapak berkenaan menjadi platform menyelaras tindakan antara pihak berkaitan, menyelesaikan kekangan yang dikenal pasti serta memperkukuh pemantauan bagi memastikan momentum pembinaan dapat dipertingkatkan.

Turut hadir ialah Setiausaha Politik kepada Premier Sarawak Niponi Undek dan Pegawai Daerah Lundu Zulkarnain Ismail.

Pembinaan Jambatan Selampit merupakan antara projek infrastruktur penting yang dijangka meningkatkan jaringan perhubungan serta memudahkan pergerakan penduduk di Selampit, Kendaie dan kawasan sekitarnya apabila siap kelak.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Jambatan Ranggu Tiku dijangka siap November 2027
PAUTAN	https://tinyurl.com/y2xww37m

Jambatan Ranggu Tiku dijangka siap November 2027

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Projek pembinaan Jambatan Ranggu Tiku yang baharu dijangka siap pada November 2027, sekali gus membantu melancarkan pergerakan trafik dan meningkatkan hubungan antara kawasan Ranggu, Tiku dan Apas.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Lo Su Fui, berkata jambatan berkenaan akan dibina menggunakan struktur konkrit kekal dan membolehkan laluan dua hala.

Beliau berkata, jambatan sementara jenis 'Bailey bridge' kini dipindahkan ke bahagian tepi bagi memberi laluan kepada kerja pembinaan jambatan baharu.

"Laluan sementara ini mula digunakan hari ini dan diharapkan dapat mengurangkan kesesakan yang dialami penduduk Tawau, khususnya sejak dua minggu lalu.

"Saya memohon maaf dan berharap penduduk dapat bersabar sementara usaha meningkatkan kelancaran lalu lintas di Tawau dilaksanakan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tawau berkata demikian ketika meninjau perkembangan projek Jambatan Ranggu Tiku, di sini, semalam.

Lo berkata, laluan berkenaan semakin penting berikutan pertumbuhan penduduk dan pembangunan pesat di kawasan Ranggu serta Tiku.

Katanya, laluan Sin Onn Tiku-Ranggu yang menghubungkan kawasan itu ke Apas digunakan puluhan ribu pengguna setiap hari, manakala lebih 100,000 penduduk kini mendiami kawasan berkenaan.

"Dengan perkembangan pembangunan yang semakin meluas ke kawasan Ranggu dan Tiku, laluan ini akan memainkan peranan lebih penting pada masa depan.

"Kita berharap jambatan ini dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan dan, jika boleh, lebih awal supaya manfaatnya dapat dinikmati penduduk Tawau," katanya.

Lihat Muka 7

Jambatan Ranggu Tiku dijangka siap November 2027

Dari Muka 1

Beliau berkata, projek berkenaan dibiayai Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Katanya, jambatan baharu itu akan menggantikan struktur 'Bailey bridge' yang bersifat sementara serta memerlukan penyelenggaraan dari semasa ke semasa.

"Jambatan baharu ini dibina dengan struktur konkrit dan akan menjadi laluan kekal, berbeza dengan Bailey bridge sedia ada yang menggunakan permukaan kayu dan memerlukan penyelenggaraan berkala," katanya.



TINJAUAN: Lo ketika meninjau tapak pembinaan Jambatan Ranggu Tiku baharu dari jambatan sementara di Tawau.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Desak siasat dakwaan buli secara terperinci
PAUTAN	https://tinyurl.com/55kuswty

Desak siasat dakwaan buli secara terperinci

Kuala Lumpur: Kematian seorang pelajar tingkatan dua sebuah sekolah menengah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan mendapat perhatian dan desakan supaya siasatan menyeluruh serta tindakan tegas diambil berhubung dakwaan ia berkait dengan mangsa buli.

Muhammad Idlan Fareeq Shahril, 14, ditemukan tidak sedarkan diri di asrama sekolah itu sebelum dibawa ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah dan disahkan meninggal dunia.

Bekas Menteri Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin menerusi hantaran di Threads menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham sambil menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan teliti tanpa kompromi.

"Pihak berkuasa perlu menyiasat kes ini secara telus dan terperinci berhubung dakwaan mangsa dibuli demi memastikan keadilan dapat ditegakkan



DR Radzi

buat Allahyarham dan keluarganya," katanya.

Senada dengan desakan itu, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) merangkap Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang turut meluahkan rasa dukacita dan menyifatkan isu buli di premis pendidikan sebagai tidak boleh dikompromi.

Beliau menggesa pihak berkuasa dan Kementerian Pendidikan mengambil tindakan pantas serta tegas terhadap individu yang didapati terlibat dalam kejadian itu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **26 - 27 SEPTEMBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Contohi Pengerusi MARA, 'you touch you go'
PAUTAN	https://tinyurl.com/y7vm8acn

'Contohi Pengerusi Mara, *you touch you go*'

KUALA PILAH – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) disaran mencontohi ketegasan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dalam menangani kes buli di institusi pendidikan dengan mengamalkan prinsip *you touch, you go*.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram Padang, Datuk Mohd Za'idy Abdul Kadir berkata, pendirian tegas itu penting bagi memastikan isu buli tidak lagi dianggap sebagai kenakalan biasa, gurauan atau sebahagian daripada budaya senioriti dalam kalangan pelajar.

"Persoalannya bukan hanya apa yang berlaku selepas seorang pelajar kehilangan nyawa.

"Persoalan lebih besar ialah adakah sistem pencegahan buli, pemantauan asrama dan penguatkuasaan disiplin di sekolah kita benar-benar cukup tegas untuk mengesan dan menghentikan buli sebelum ia menjadi tragedi?" katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Tambah beliau, KPM perlu menjelaskan tahap pemantauan dan pengawasan di asrama sekolah berkenaan sebelum kejadian termasuk sama ada terdapat aduan atau tanda awal berkaitan dakwaan buli yang pernah diterima pihak sekolah.

"Nyawa dan keselamatan anak tidak boleh dikompromi demi menjaga nama baik mana-mana sekolah atau institusi.

"Kita mahu satu mesej yang jelas kepada seluruh warga sekolah iaitu buli bukan budaya, buli bukan gurauan dan pembuli tidak boleh diberi ruang," katanya.